



Anwar pada sesi temu bual dengan Al Jazeera yang disiarkan malam kelmarin.

(Foto ihsan PMO)

# 'Berubah demi masa hadapan Malaysia'

PM tekad mereformasi dasar yang ada berasaskan keperluan bukan mengikut kaum

Oleh Saadiah Ismail  
saadiah\_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan Malaysia tidak akan menjadi negara maju jika tiada perubahan dilakukan bermula dari sekarang.

Perdana Menteri berkata, perkara itu dipersetujui semua parti politik yang berada dalam Kerajaan Perpaduan, yang mahu langkah perubahan dilakukan segera.

"Ada pelbagai parti politik dalam Kerajaan Perpaduan dan semua mereka bersetuju masalah utama ialah isu tadbir urus yang baik, rasuah sudah menjadi endemik di negara ini.

"Sudah tentu, kerajaan hari ini akan menyesuaikan semua dasar ini," katanya dalam temu bual dengan *Al Jazeera*, yang berpangkalan di Doha.

Ditanya sama ada pengkhianatan dan pakatan yang gagal menyukarkan beliau untuk mempercayai orang lain, Anwar secara tegas berkata, setiap orang berubah dan semua orang melakukan kesilapan pada masa lalu.

"Tetapi kami diberi peluang (untuk memerintah sekarang). Mengapa kamu memaksa orang lain sebegitu keras?" katanya.

Beliau turut mengulangi komitmennya untuk mereformasi-

kan dasar yang ada berdasarkan keperluan dan bukannya mengikut kaum, dengan menekankan bahawa negara perlu berubah.

"Melainkan ada komitmen politik yang jelas, keazaman untuk berubah, saya tidak percaya Malaysia akan bertahan," katanya.

Sementara itu, mengulas dakwaan Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Seri Hamzah Zainudin, bahawa rakyat masih bersama pembangkang, Anwar berkata, rakyat masih bersama Kerajaan Perpaduan dan kerajaan sekarang boleh menguruskan negara dengan baik.

Anwar turut menafikan terdapat sebarang cabaran serius terhadap pegangan kuasa kerajaannya, sambil mengulangi gabungannya mempunyai majoriti dua pertiga.

"Mereka boleh memberi sedikit tekanan, tetapi ia tidak akan menjejaskan kedudukan kerajaan terkini.

"Saya bukan lagi ketua pembangkang. Ia memerlukan banyak kesabaran dan lebih toleransi terhadap kritikan," katanya ketika diminta mengulas mengenai keyakinan pembangkang untuk mengambil alih kerajaan sebelum Pilihan Raya Umum akan datang.

Merujuk kepada tindakan Ketua Polis Negara ketika itu, Tan Sri Abdul Rahim Noor, yang memukulnya pada 1998, Anwar berkata, pada malam itu beliau diserang dengan teruk.

"Saya memikirkan ibu bapa, isteri, Datuk Seri Rr Wan Azizah Wan Ismail dan keluarga. Saya berfikir mungkin tidak akan bertahan," katanya.

Serangan itu menyebabkan matanya lebam kehitaman, yang kemudian disesuaikan dan digunakan sebagai lambang PKR.

Abdul Rahim dijatuhi hukuman penjara dua bulan dan denda RM2,000 atas kesalahan itu.

Sementara itu, Anwar dalam satu hantaran di media sosialnya, berkata kerjasama yang dirancang Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor penting bagi memastikan pelaksanaan setiap projek di negeri itu memberi dampak menyeluruh, termasuk buat negara jiran.

Terdahulu, beliau menerima kunjungan Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi, kelmarin bagi membincangkan pelbagai perkara berhubung kait tatakelola dan peruntukan bagi pembangunan dan ekonomi Johor.

"Antara isu yang disinggung meliputi pembinaan infrastruktur kesihatan dan jalan raya; Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), Financial Hub (Hab Kewangan), pembinaan masjid serta sekolah agama di tanah wilayah FELDA.

"Turut ditekankan adalah bantuan pascabanjir bagi golongan petani, penternak dan nelayan dan isu penyelenggaraan serta pembaikan rumah pangsa melebihi 40 tahun," katanya.

## Hargai bantuan Pusat

Mengulas perkara itu, Onn Hafiz berkata, pihaknya menghargai bantuan yang diberikan kerajaan Pusat dan berharap hubungan baik serta kerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan dapat menyelesaikan isu utama di negeri itu.

"Saya dan barisan EXCO juga amat menghargai bantuan Kerajaan Persekutuan di bawah Belanjawan 2023 Malaysia MADANI.

"Semoga hubungan baik ini dapat diterjemahkan sehingga Johor mampu menjadi negeri maju menjelang 2030," katanya dalam satu kenyataan.